

UCAPAN PERDANA MENTERI, SEMASA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1973, DI DEWAN RAKYAT PADA 26HB APRIL, 1973

Tuan Yang Dipertua,

Saya dengan hormatnya mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan dibaca bagi kali yang kedua.

Maksud Rang Undang-undang ini adalah dua. Pindaan yang pertama ialah untuk memasukkan suatu peruntukan baharu ke dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan. Pindaan yang kedua ialah untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan yang baharu di bawah Perlembagaan yang akan dikenali sebagai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Berkenaan pindaan yang pertama itu, Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah tahu bahawa dalam tiap-tiap Perlembagaan Negeri memang ada suatu peruntukan berkenaan dengan cara meminda Perlembagaan. Peruntukan ini adalah dalam suatu bentuk yang standard iaitu suatu peruntukan yang diambil dari Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Dalam peruntukan ini, kaedah amnya ialah bahawa tiap-tiap pindaan kepada Perlembagaan tidak boleh diluluskan oleh Dewan Negeri melainkan jika pindaan itu telah disokong pada bacaan-bacaan kali kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli-ahlinya.

Kaedah am ini adalah dipakai bagi semua Perlembagaan Negeri tertakluk hanya kepada kecualian-kecualian tertentu sahaja sebagaimana diperuntukan dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan dengan mana sesuatu Perlembagaan Negeri boleh dipinda mengikut lebihsuara dalam Dewan Negeri itu. Misalnya di Selangor, kaedah am ini adalah terkandung dalam Perkara XCVIII dalam Perlembagaan Negeri Selangor.

Kecualian-kecualian itu adalah terkandung dalam Fasal (5) seksyen 19 dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa apa-apa pindaan yang

berbangkit dari suatu undang-undang sebagaimana tersebut dalam seksyen 4 atau seksyen 21 Jadual Kelapan (berhubung dengan keanggotaan Dewan Negeri) atau apa-apa pindaan yang natijahnya ialah untuk menyelaraskan Perlembagaan Negeri itu dengan mana-mana peruntukan-peruntukan Jadual Kelapan boleh diluluskan dengan lebihsuara dalam Dewan Negeri itu.

Dalam kebanyakan Perlembagaan-perlembagaan Negeri, perkataan "Negeri" adalah ditakrifkan. Takrif "Negeri" dalam sesuatu Perlembagaan Negeri mestilah ditafsirkan bersama dengan peruntukan Perkara 1 (3) dalam Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa wilayah-wilayah bagi tiap-tiap satu Negeri itu ialah wilayah-wilayah yang terkandung di dalamnya sebelum sahaja Hari Malaysia.

Bagaimanapun, mengikut Perkara 2 dalam Perlembagaan Persekutuan sesuatu undang-undang boleh diluluskan oleh Parlimen untuk mengubah sempadan-sempadan sesuatu Negeri tetapi hanya dengan syarat bahawa sebelum undang-undang itu diluluskan, undang-undang itu hendaklah telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja dan oleh Dewan Undangan Negeri yang berkenaan itu.

Sesuatu pindaan kepada Perlembagaan Negeri berkenaan takrif perkataan "Negeri" adalah perlu disokong oleh tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli-ahli Dewan Negeri itu, pada halnya undang-undang Persekutuan yang mengubah sempadan-sempadan Negeri di bawah Perkara 2 Perlembagaan hanya memerlukan lebihsuara sahaja (melainkan jika undang-undang persekutuan itu juga mengandungi lain-lain pindaan yang tidak "bersampingan" atau "berbangkit"—lihat Perkara 159 (4) (b) dalam Perlembagaan Persekutuan). Oleh yang demikian, ada suatu perbezaan di antara Perlembagaan Persekutuan dengan Perlembagaan Negeri berkenaan dengan pelaksanaan Perkara 2 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Maksud Rang Undang-undang ini ialah untuk memasukkan suatu butiran baharu di antara kecualian-kecualian yang terkandung dalam seksyen-kecil (5) seksyen 19 dalam Jadual Kelapan berkenaan dengan sesuatu Rang Undang-undang untuk meminda takrif "Negeri" dalam sesuatu Perlembagaan Negeri supaya Rang Undang-undang itu tidak dikehendaki disokong pada bacaan-bacaan kali kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang

daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Dewan Negeri itu.

Mengikut pindaan dalam Rang Undang-undang ini, takrif mengenai wilayah bagi sesuatu Negeri boleh dipinda tanpa memerlukan lebihsuara dua pertiga jika pindaan itu dibuat berikutan dengan kelulusan sesuatu undang-undang yang mengubah sempadan-sempadan bagi Negeri itu di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan iaitu yang telah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri dan Majlis Raja-raja di bawah Perkara itu.

Dalam seksyen 19 (5) (b) yang ada sekarang ini dalam Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan, memang telahpun ada peruntukan bahawa apa-apa pindaan yang bermaksud hendak menyelaraskan sesuatu Perlembagaan Negeri dengan mana-mana peruntukan-peruntukan Jadual Kelapan hendaklah dikecualikan daripada kehendak lebihsuara dua pertiga itu. Oleh sebab itu, apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dalam Parlimen Persekutuan, suatu Rang Undang-undang untuk memasukkan pindaan yang seumpamanya kepada Perlembagaan Negeri Selangor bolehlah diluluskan dengan lebihsuara.

Tuan Yang Dipertua,

Tujuan membuat pindaan pertama ini ialah untuk menjalankan langkah pertama bagi menubuhkan Kawasan Persekutuan atau Federal Territory bagi Bandaraya Kuala Lumpur. Kerajaan Persekutuan telah mengadakan rundingan dengan D.Y.M.M. Sultan dan Kerajaan Negeri Selangor dan telah mendapat persetujuan pada dasarnya untuk menjadikan Kawasan Bandaraya Kuala Lumpur (kawasan yang sebenarnya akan ditentukan kemudian kelak) sebagai Kawasan Persekutuan. Ibu Negeri Selangor akan berpindah ke Shah Alam.

Saya suka merakamkan perasaan terima kasih yang tidak terhingga terhadap kebawah D.Y.M.M. Sultan Selangor kerana limpah kurnia persetujuan Baginda dan kesediaan Baginda memandang jauh ke hadapan serta mengutamakan kepentingan Negara seluruhnya. Semangat kerjasama dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh Baginda adalah dijunjung tinggi oleh rakyat dan tak dapat tiada akan dicatit dengan tinta emas di dalam sejarah kemajuan Malaysia.

Begitu juga saya suka merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Datuk Haji Harun

bin Idris di atas kerjasama dan kesediaan untuk mengutamakan kepentingan Negara daripada kepentingan Negeri.

Penubuhan Kawasan Persekutuan ini ialah untuk menentukan supaya kepentingan-kepentingan kebangsaan dalam Bandaraya Kuala Lumpur dijamin. Selain daripada itu, penubuhan Kawasan persekutuan bagi Bandaraya Kuala Lumpur juga merupakan satu pengiktirafan kepada kedudukan istimewa Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Negara Malaysia di mana kegiatan-kegiatannya mestilah mencerminkan keperibadian dan kepentingan negara pada keseluruhannya.

Malaysia, sebagai negara yang merdeka dan berdaulat, patutlah mempunyai sebuah Ibu Kota yang dipunyai oleh semua negeri-negeri dalam Malaysia dan Ibu Kota yang ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan. Adalah difikirkan penubuhan Kawasan Ibu Kota seperti itu akan memberi prestige yang dikehendaki bagi Bandaraya Kuala Lumpur itu.

Seperti yang kita maklum, beberapa buah negara maju seperti Amerika Syarikat dan Australia telahpun lama menjalankan langkah ini dengan menjadikan Ibu Negara masing-masing sebagai wilayah khas yang ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat. Dengan yang demikian, langkah yang kita ambil ini bukanlah suatu perkara yang luar biasa bahkan adalah sejajar dengan amalan negara-negara yang mempunyai pemerintahan yang bercorak Persekutuan.

Pada kesimpulannya, setelah tertubuhnya Kawasan Persekutuan bagi Bandaraya Kuala Lumpur, seluruh kawasan itu akan terletak di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat sepenuhnya dan tidaklah ada lagi keadaan yang lapis berlapis dengan Kerajaan Negeri dalam pentadbirannya seperti yang terdapat hari ini.

Kerajaan bercadang hendak menubuhkan Kawasan Persekutuan bagi Bandaraya Kuala Lumpur itu menurut Perkara 2 Perlembagaan Malaysia. Selepas pindaan ini dipersetujui oleh Parlimen, Kerajaan Negeri Selangor akan mengemukakan pindaan dalam Dewan Undangan Negeri Selangor supaya Perlembagaan Negeri Selangor itu disesuaikan dengan Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan kemudian akan membentangkan cadangan ini kepada Majlis Raja-raja untuk dipersetujukan. Setelah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri dan Majlis Raja-raja Kerajaan akan membawa undang-undang di bawah Perkara 2 ini untuk persetujuan Parlimen.

Saya berharap langkah yang penting dan mustahak ini akan mendapat sokongan yang penuh oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta Dewan Undangan Negeri Selangor kerana langkah ini, seperti saya terangkan tadi, sangatlah penting bagi negara kita Malaysia dan juga bagi kemajuan dan keperibadian negara kita pada masa akan datang sebagai negara yang merdeka dan berdaulat.

Tuan Yang Dipertua,

Pindaan yang satu lagi dalam Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi menubuhkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan yang baharu di bawah Perlembagaan yang akan dikenali sebagai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Adalah dicadangkan supaya Suruhanjaya yang baharu ini akan mempunyai bidangkuasa dalam perkara-perkara mengenai perlantikan, pengesahan, perlantikan ke perjawatan tetap atau jawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan tata tertib berkenaan dengan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang berikut:

(a) Perkhidmatan Pelajaran;

(b) Perkhidmatan Perkeranian (Pelajaran); dan

(c) Lain-lain perkhidmatan yang khusus bagi Kementerian Pelajaran.

Soal tentang menubuhkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran telah pertama sekali disyorkan oleh Suruhanjaya Aziz yang telah dibentuk untuk membuat syor-syor mengenai gaji-gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi semua kategori guru-guru dan juga untuk membuat syor-syor berkenaan alat-jentera bagi perlantikan, pengesahan, kenaikan pangkat, pertukaran dan tata tertib bagi semua guru. Suruhanjaya Aziz itu telah mengesyorkan supaya suatu Suruhanjaya yang berasingan ditubuhkan bagi maksud ini dengan ahli-ahli yang berikut:

(a) seorang Pengerusi;

(b) seorang wakil Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

(c) tiga orang ahli yang berpengalaman dalam perkara-perkara pelajaran.

Sebagai hasil dari syor-syor ini, Jemaah Menteri telah melantik suatu Jawatankuasa Pegawai-pegawai dalam bulan September

1971 untuk mengkaji aspek-aspek tertentu dari syor-syor ini dan Jawatankuasa Pegawai-pegawai ini telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Sementara menanti penubuhan Suruhanjaya yang baharu ini. Jemaah Menteri telah mengarahkan supaya suatu sekretariat yang berasingan dibentuk dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi menjaga segala perkara berhubung dengan semua kategori pegawai-pegawai dalam perkhidmatan perguruan.

Penubuhan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan baharu bagi maksud ini adalah cukup berpatutan memandangkan kepada bilangan pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidangkuasa baharu ini. Pada masa ini ada lebih kurang 64,046 orang pegawai dalam semua kategori Perkhidmatan Pelajaran termasuk pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam berbagai-bagai sekolah dan kolej. Bilangan pegawai-pegawai ini dianggarkan akan bertambah mengikut kadar 3% setahun. Selain daripada pegawai-pegawai ini, ada guru-guru terlatih di berbagai-bagai Kolej Guru seramai lebih kurang 2,400 bilangannya dan lebih kurang 700 orang lagi yang mengikuti kursus diploma di Universiti Malaya. Memandangkan kepada besarnya bilangan calon yang dikehendaki ditemuduga tiap-tiap tahun bagi perlantikan dan juga bagi maksud melicinkan perjalanan alat-jentera perlantikan, pengesahan dan tatatertib maka adalah difikirkan bahawa penubuhan Suruhanjaya baharu itu adalah lebih daripada patut.

Pada ringkasnya, peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang ini adalah seperti berikut:

- (1) Fasal 2 (1) (b) menubuhkan suatu Perkhidmatan baharu yang dinamakan Perkhidmatan Pelajaran.
- (2) Fasal 4 menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan baharu yang akan dinamakan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dengan mempunyai tugas-tugas biasa sesuatu Suruhanjaya di bawah Perlembagaan. Perkara baharu 141A (2) menyatakan tentang ahli-ahli bagi Suruhanjaya itu yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat orang ahli untuk dilantik oleh Yang Dipertuan Agong selepas menimbang nasihat Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.
- (3) Fasal 5 memberi kuasa kepada Yang Dipertuan Agong untuk menubuhkan lembaga-lembaga untuk menjalankan

tugas-tugas Suruhanjaya baharu itu mengikut cara yang sama seperti yang dilakukan bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ada sekarang.

(4) Fasal 4 mengadakan peruntukan bagi meminda Jadual Kelapan kepada Perlembagaan bagi maksud yang telah saya huraikan awal tadi.

(5) Pindaan-pindaan yang lain adalah pindaan-pindaan yang berbangkit.

Tuan Yang Dipertua,

Dengan hormatnya saya mencadangkan.